

14/09/1999

Tentera Malaysia sedia ke Timor Timur

PETALING JAYA, Isnin - Malaysia sedia menghantar tentera untuk menyertai pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia memberi perakuan itu kepada Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, yang bertanya sama ada Malaysia boleh menyumbang pasukan tentera jika diperlukan.

"Malaysia menjawab ya. Kita bersedia untuk berkhidmat di Timor Timur dan jika semua pihak setuju, kita akan menghantar tentera kita ke sana," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Undang-undang Komanwel ke-12, di sini hari ini.

Presiden Indonesia, BJ Habibie semalam bersetuju membenarkan pasukan pengaman PBB dihantar ke Timor Timur bagi menamatkan kekacauan di bekas tanah jajahan Portugal itu.

Dalam ucapan yang disiarkan televisyen ke seluruh negara selepas beberapa siri pertemuan dengan menteri Kabinet Indonesia dan ketua tenteranya, Jeneral Wiranto, Habibie berkata:

"Saya membuat keputusan membenarkan kehadiran pasukan pengaman untuk bersama-sama tentera Indonesia bagi mengekalkan keamanan di Timor Timur."

Konflik di Timor Timur tercetus selepas lebih 78 peratus penduduknya mengundi untuk berpisah dari Indonesia melalui pungutan suara rakyat yang dikendalikan oleh PBB, 30 Ogos lalu.

Mengenai ramalan Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, bahawa pilihan raya umum akan diadakan pada November, Dr Mahathir berkata:

"Mungkin dia mengetahui apa yang saya tidak tahu," katanya sambil menambah jangan terlalu mendengar gosip.

Tengku Razaleigh dilaporkan meminta jentera Umno Kelantan bergerak lebih mantap ke arah menzahirkan hasrat Barisan Nasional (BN) menawan negeri itu dalam pilihan raya umum yang diramal November ini.

Katanya, beliau membuat ramalan itu berdasarkan kesesuaiannya dengan cuti persekolahan dan tidak bertembung dengan musim tengkujuh yang biasanya melanda kawasan pantai timur sepanjang Disember.

(END)